



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

6 FEBRUARI 2026 (JUMAAT)

Rampasan 27,000 kg Ayam Sejuk Beku Tanpa Permit Bernilai
RM268,410

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sabah Media	Utama	Dalam Talian	5 Feb



Kontena yang membawa produk paha ayam sejuk beku tanpa permit import sah dirampas oleh penguatkuasa dalam satu operasi serbuan 30 Januari lalu.

KOTA KINABALU: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah (DVS Sabah) berjaya merampas sebanyak 27,000 kilogram produk paha ayam sejuk beku tanpa permit import sah dengan nilai anggaran RM268,410 menerusi satu operasi penguatkuasaan hasil risikan yang dijalankan pada 30 Januari lalu.

Operasi yang diketuai DVS Wilayah Kota Kinabalu itu melibatkan pemeriksaan sebuah kontena 40 kaki di Pelabuhan Sepanggar

sebelum tindakan susulan diambil di sebuah premis bilik sejuk di Inanam Laut.

Pemeriksaan mendapati pemilik gagal mengemukakan sebarang permit atau lesen import yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

Susulan itu, tindakan sitaan diambil ke atas keseluruhan produk berkenaan selaras dengan peruntukan undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sabah, Datuk Jamawi Jaafar, menzahirkan penghargaan kepada pasukan DVS Sabah atas kejayaan operasi tersebut serta menyifatkannya sebagai tindakan pantas, berkesan dan profesional dalam melindungi keselamatan makanan dan kepentingan rakyat Sabah.

“Kerajaan Negeri memandang serius sebarang cubaan membawa masuk produk makanan tanpa kelulusan sah kerana ia boleh menjejaskan kesihatan awam, biosekuriti serta kepercayaan rakyat terhadap sistem kawalan makanan negara, sekali gus membuktikan ketegasan dan komitmen Sabah dalam memastikan hanya produk yang mematuhi piawaian dan undang-undang dibenarkan berada di pasaran,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Sementara itu, Pengarah DVS Sabah, Dr Zul Bahar, menjelaskan operasi berkenaan dilaksanakan secara terancang dan berperingkat dengan kerjasama Unit Penguatkuasaan DVS Wilayah Kota Kinabalu, Unit Pemeriksa Veterinar serta Unit Kuarantin DVS KKIA/Kargo sebagai sebahagian daripada komitmen berterusan

jabatan itu dalam memperkukuh keselamatan makanan dan biosekuriti negeri.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia serta Jabatan Kastam Diraja Malaysia atas kerjasama erat dan sokongan padu yang diberikan, yang membolehkan tindakan penguatkuasaan dilaksanakan dengan berkesan dan berintegriti.-

[SABAHMEDIA](#)

DVS Sabah Rampas 27,000 Kg Produk Ayam Sejuk Beku Tanpa Permit Import

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Jesselton Times	Berita Tempatan	Dalam Talian	5 Feb



KOTA KINABALU: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah (DVS Sabah) telah berjaya melaksanakan satu operasi penguatkuasaan hasil risikan yang membawa kepada rampasan sejumlah besar produk ayam sejuk beku tanpa permit import yang sah.

Operasi yang diketuai oleh DVS Wilayah Kota Kinabalu ini melibatkan pemeriksaan sebuah kontena 40 kaki di Pelabuhan Sepanggar sebelum tindakan susulan diambil di sebuah premis bilik sejuk di Inanam Laut.

Pemeriksaan mendapati pemilik gagal mengemukakan sebarang permit atau lesen import yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS).

Susulan itu, tindakan sitaan telah diambil ke atas 27,000 kilogram produk paha ayam sejuk beku dengan nilai anggaran RM268,410.00, selaras dengan peruntukan undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Datuk Jamawi Jaafar, Menteri Pertanian dan Industri

Makanan Sabah, menzahirkan penghargaan kepada pasukan DVS Sabah atas kejayaan operasi tersebut.

“Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah atas tindakan pantas, berkesan dan profesional dalam melindungi keselamatan makanan serta kepentingan rakyat Sabah.

“Kerajaan Negeri memandang serius sebarang cubaan membawa masuk produk makanan tanpa kelulusan yang sah kerana ia boleh menjejaskan kesihatan awam, biosekuriti serta kepercayaan rakyat terhadap sistem kawalan makanan negara.

“Operasi ini jelas membuktikan ketegasan dan komitmen berterusan Sabah dalam memastikan hanya produk yang mematuhi piawaian dan undang-undang dibenarkan berada di pasaran, kata Jamawi.

Sementara itu, Dr Zul Bahar, Pengarah DVS Sabah menjelaskan bahawa operasi tersebut dilaksanakan secara terancang dan berperingkat.

“Operasi ini dilaksanakan dengan kerjasama erat antara Unit Penguatkuasaan DVS Wilayah Kota Kinabalu,

Unit Pemeriksa Veterinar serta Unit Kuarantin DVS KKIA/Kargo, selaras dengan komitmen berterusan DVS Sabah dalam memperkukuh keselamatan makanan dan biosekuriti negeri,” kata Dr Zul.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada agensi penguatkuasaan yang terlibat.

“Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia atas kerjasama erat dan sokongan padu yang diberikan. Sinergi antara agensi inilah yang membolehkan tindakan penguatkuasaan dilaksanakan dengan berkesan dan berintegriti,” tambah Pengarah DVS.-
[JESSELTONTIMES](#)

27 Tan Paha Ayam Sejuk Beku Tanpa Permit Di Sabah Dirampas

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Buletin TV3	Nasional	Dalam Talian	5 Feb



Penguatkuasa DVS Sabah memeriksa produk ayam sejuk beku tanpa permit import sah yang dirampas di Kota Kinabalu.- Foto DVS Sabah

KOTA KINABALU: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Sabah merampas 27 tan paha ayam sejuk beku bernilai RM268,410 dalam satu operasi di Pelabuhan Sepanggar dan Inanam Laut, dekat sini, baru-baru ini.

Pengarah DVS Sabah, Dr Zul Bahar, berkata rampasan dilakukan penguat kuasa DVS selepas risikan dan pemeriksaan mendapati produk import itu tidak mempunyai permit yang sah daripada jabatan berkenaan.

Katanya, operasi pada 30 Januari lalu itu, yang diketuai DVS Kota Kinabalu, membabitkan pemeriksaan sebuah kontena berukuran 12 meter panjang di Pelabuhan Sepanggar sebelum tindakan susulan diambil di sebuah premis bilik sejuk beku di Kampung Inanam Laut, Inanam.

“Pemeriksaan mendapati pemilik gagal mengemukakan sebarang permit atau lesen import yang dikeluarkan DVS.

“Susulan itu, tindakan sitaan diambil ke atas 27,000 kilogram (kg) produk paha ayam sejuk beku dengan nilai RM268,410, selaras dengan peruntukan undang-undang yang sedang berkuatkuasa,” katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Katanya, operasi itu dilaksanakan secara terancang dan berperingkat berdasarkan maklumat risikan sebelum serbuan dilakukan di lokasi yang dikenal pasti.

“Operasi ini dilaksanakan dengan kerjasama Unit Penguatkuasaan DVS Wilayah Kota Kinabalu, Unit Pemeriksa Veterinar dan Unit Kuarantin DVS Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA), selaras dengan komitmen berterusan DVS Sabah dalam memperkukuh keselamatan makanan dan biosekuriti negeri,” katanya.

Operasi itu, katanya, mendapat kerjasama Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

“DVS Sabah berterima kasih kepada semua yang terbabit dalam operasi ini. Sinergi antara agensi inilah yang membolehkan tindakan penguatkuasaan

dilaksanakan dengan berkesan dan berintegriti,” katanya.

Sementara itu, Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan negeri, Datuk Jamawi Jaafar, menyifatkan rampasan itu sebagai kejayaan penting dalam melindungi pengguna daripada ancaman

biosekuriti makanan.-
[BULETINTV3](#)

DVS Sabah Rampas 27,000kg Ayam Sejuk Beku Tanpa Permit di Sepanggar, Inanam

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sabah News	Berita Sabah	Dalam Talian	5 Feb



KOTA KINABALU: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah (DVS Sabah) merampas sebanyak 27,000 kilogram produk paha ayam sejuk beku yang dipercayai diimport tanpa permit sah dalam satu operasi penguatkuasaan berasaskan risikan di sekitar Kota Kinabalu.

Hasil pemeriksaan mendapati pemilik gagal mengemukakan sebarang permit atau lesen import yang dikeluarkan oleh DVS.

Tindakan itu diambil bagi

memastikan pematuhan terhadap kawalan import serta piawaian keselamatan makanan.

Dalam pada itu, Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sabah, Datuk Jamawi Jaafar, menzahirkan penghargaan kepada pasukan DVS atas kejayaan operasi berkenaan.

Beliau menegaskan kerajaan negeri memandang serius sebarang cubaan membawa masuk produk makanan tanpa kelulusan sah kerana boleh menjejaskan kesihatan

awam, biosekuriti dan keyakinan rakyat terhadap sistem kawalan makanan.

“Operasi ini membuktikan ketegasan dan komitmen berterusan Sabah dalam memastikan hanya produk yang mematuhi piawaian dan undang-undang dibenarkan berada di pasaran,” katanya.

Sementara itu, Pengarah DVS Sabah, Dr Zul Bahar, memaklumkan operasi dilaksanakan secara terancang dan berperingkat dengan kerjasama Unit Penguatkuasaan DVS Wilayah Kota Kinabalu, Unit Pemeriksa Veterinar serta Unit Kuarantin DVS KKIA/Kargo.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia atas kerjasama strategik yang membolehkan tindakan penguatkuasaan dilaksanakan dengan berkesan dan berintegriti.

DVS Sabah menegaskan komitmennya untuk terus memperkukuh pemantauan import produk haiwan dan makanan demi menjamin keselamatan makanan serta melindungi kepentingan pengguna di Sabah.-

[SABAHNEWS](#)

27 Tan Ayam Sejuk Beku Tanpa Permit Dirampas

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Semasa	Dalam Talian	5 Feb



Unit penguatkuasa DVS Sabah memeriksa paha ayam sejuk beku tanpa permit ditemui dalam operasi tersebut.

KOTA KINABALU - Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Sabah berjaya merampas sebanyak 27 tan ayam sejuk beku import tanpa sebarang permit dalam satu operasi di Pelabuhan Sepanggar di sini pada Jumaat lalu.

Dalam operasi tersebut, hasil pemeriksaan menemui paha ayam bernilai RM268,410 dipercayai untuk diedarkan di negeri ini.

Pengarah DVS Sabah, Dr Zul Bahar Abdul Rashid berkata,

rampasan itu berjaya dilaksanakan hasil daripada risikan yang dilakukan secara terancang dan berperingkat.

"Operasi yang diketuai oleh DVS Kota Kinabalu ini melibatkan pemeriksaan sebuah kontena di Pelabuhan Sepanggar sebelum tindakan susulan diambil di sebuah premis bilik sejuk di Inanam Laut.

"Pemeriksaan mendapati pemilik gagal mengemukakan sebarang permit atau lesen import

yang dikeluarkan oleh DVS dan susulan daripada itu, tindakan sitaan telah diambil ke atas 27,000 kilogram produk paha ayam sejuk beku, selaras dengan peruntukan undang-undang yang sedang berkuat kuasa," katanya dalam kenyataan pada Khamis.

Sebelum itu, Zul Bahar berkata, operasi itu dilaksanakan dengan kerjasama Unit Penguatkuasaan DVS Kota Kinabalu, Unit Pemeriksa Veterinar serta Unit Kuarantin DVS Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA) dan Kargo.

"Operasi ini juga selaras dengan komitmen berterusan DVS Sabah dalam memperkukuh keselamatan makanan dan biosekuriti negeri," jelasnya.

Sementara itu, Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sabah, Datuk Jamawi Jaafar berkata, kerajaan negeri memandang serius sebarang cubaan membawa masuk produk makanan tanpa kelulusan yang sah kerana ia boleh menjejaskan kesihatan awam, biosekuriti serta kepercayaan rakyat terhadap sistem kawalan makanan negara.

"Operasi ini jelas membuktikan ketegasan dan

komitmen berterusan Sabah dalam memastikan hanya produk yang mematuhi piawaian dan undang-undang dibenarkan berada di pasaran," katanya.-

[SINARHARIAN](#)

Sabah Seizes Over 27 Tonnes Of Frozen Chicken Imported Without Permits

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
New Straits Times	Nation	Dalam Talian	5 Feb



The stocks were discovered in a container at the Sepanggar Port cold room facility in Inanam Laut. - COURTESY PIC

KOTA KINABALU: Sabah authorities have seized more than 27 tonnes of frozen chicken imported without permits.

The stocks were discovered in a container at the Sepanggar Port cold room facility in Inanam Laut.

"Inspection revealed that the owner failed to produce any import permit or licence issued by the Department of Veterinary Services (DVS).

"Following this, enforcement

action was taken to seize 27,000kg of frozen chicken leg products, with an estimated value of RM268,410, in accordance with the provisions of the relevant laws currently in force," the statement read.

Agriculture, Fisheries and Food Industry Minister Datuk Jamawi Jaafar said any attempt to bring food products into Sabah without proper approval could jeopardise public health, biosecurity, and public confidence in the national

food control system.

"This operation clearly demonstrates Sabah's firm stance and continued commitment to ensuring that only food products which comply with established standards and legal requirements are allowed to enter the market," he added.-[NEWSTRAITSTIMES](#)

DVS Sabah Seized 27,000 Kg Of Frozen Chicken Products Without An Import Permit

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Jesselton Times	Local News	Dalam Talian	5 Feb



KOTA KINABALU: The Sabah Department of Veterinary Services (DVS Sabah) has successfully carried out an intelligence-led enforcement operation resulting in the seizure of a large quantity of frozen chicken products imported without valid permits.

The operation, led by DVS Kota Kinabalu Region, involved the inspection of a 40-foot container at Sepanggar Port, followed by subsequent action at a cold room facility in Inanam Laut. Inspection revealed that the

owner failed to produce any import permit or license issued by the Department of Veterinary Services (DVS).

Following this, enforcement action was taken to seize 27,000 kilograms of frozen chicken leg products with an estimated value of RM268,410.00, in accordance with the provisions of the relevant laws currently in force.

Datuk Jamawi Jaafar, minister of agriculture and food industry Sabah, expressed his appreciation to

the DVS Sabah team for the successful operation.

“I would like to extend my highest congratulations and appreciation to the Sabah Department of Veterinary Services for their swift, effective, and professional action in safeguarding food safety and protecting the interests of the people of Sabah.

“The state government views seriously any attempt to bring food products into Sabah without proper approval, as this could jeopardize public health, biosecurity, and public confidence in the national food control system,” the minister added.

“This operation clearly demonstrates Sabah’s firm stance and continuous commitment to ensuring that only food products that comply with established standards and legal requirements are allowed to enter the market,” Jamawi remarked.

Meanwhile, Dr. Zul Bahar, Director of DVS Sabah, explained that the operation was carried out in a structured and phased manner.

“The operation was conducted with close cooperation between the

Enforcement Unit of DVS Kota Kinabalu Region, the Veterinary Inspection Unit, and the DVS KKIA/Cargo Quarantine Unit, in line with DVS Sabah’s ongoing commitment to strengthening food safety and biosecurity in the state,” said Dr. Zul.

He also expressed appreciation to the enforcement agencies involved.

. “I would like to record my sincere thanks to the Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) and the Jabatan Kastam Diraja Malaysia for their close cooperation and strong support. It is this inter-agency synergy that enables enforcement actions to be carried out effectively and with integrity,” the director of DVS remarked.-

[JESSELTONTIMES](#)

Frozen Fowl Play Foiled: Sabah DVS Seizes 27 Tonnes Of Illegally Imported Chicken

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
The Star	Nation	Dalam Talian	5 Feb



KOTA KINABALU: Over RM268,000 worth of illegally imported frozen chicken has been seized in a raid at Sepanggar Port near here.

The operation by the Sabah Veterinary Services Department (DVS) targeted a 40ft container, with follow-up action on a cold room facility in Inanam Laut, a Sabah minister said on Thursday (Feb 5).

The operation on Friday (Jan 30) led to the discovery of 27,000kg of frozen chicken products imported without

valid permits, worth around RM268,410.

In announcing the successful operation, state Agriculture and Food Industry Minister Datuk Jamawi Jaafar expressed his appreciation to the Sabah DVS team.

"I would like to extend my highest congratulations and appreciation to the Sabah DVS for their swift, effective and professional action in safeguarding food safety and protecting the interests of the people of Sabah.

"The state government

seriously views any attempt to bring food products into Sabah without proper approval, as this could jeopardise public health, biosecurity and public confidence in the national food control system," he said.

Jamawi said this operation demonstrated Sabah's firm stance on, and commitment to, ensuring that only food products complying with standards and legal requirements are allowed to enter the market.

Meanwhile, Sabah DVS director Dr Zul Bahar said that the operation was conducted with cooperation between the Enforcement Unit of DVS (Kota Kinabalu Region), the Veterinary Inspection Unit and the DVS KKIA/Cargo Quarantine Unit.

"This is in line with the department's ongoing commitment to strengthening food safety and biosecurity in the state," he said.

He also thanked the other enforcement agencies involved.-[THE STAR](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR